

# Perjuangkan istilah hak asasi dan demokrasi kejayaan terpenting Malaysia — PM

Harare 22 Okt. — (Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata bagi Malaysia kejayaan terpenting dalam Persidangan Ketua - Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) ke-28 yang berakhir malam tadi ialah ia dapat memperjuangkan pandangannya mengenai soal istilah hak asasi dan demokrasi.

Perdana Menteri berkata istilah berkenaan adalah sangat penting kerana jika istilah yang tidak betul diluluskan begitu sahaja ia boleh menimbulkan kesan buruk ke atas negara - negara yang mungkin dianggap tidak demokratik oleh negara - negara.

"Saya telah jelaskan bahawa hak asasi tidak boleh ditafsirkan mengikut kaca mata Barat kerana negara - negara Barat juga tidak mengamalkan hak asasi manusia.

"Sekalipun kerajaan negara Barat mengamalkan demokrasi tetapi rakyat di negara itu terlibat mencabulnya seperti melakukan kegiatan berbentuk perkauman," katanya dalam satu sidang akhbar di bilik penginapannya di sini ketika ditanya apakah kejayaan terbesar sidang CHOGM kali ini.

CHOGM yang dijadualkan berakhir petang esok telah ditamatkan hari ini kerana para ketua kerajaan telah berjaya membereskan semua urusan mereka.

Perdana Menteri berkata, beliau gembira kerana banyak di kalangan negara anggota bersetuju dengan pandangan yang dikemukakan oleh Malaysia.

Menyentuh tentang pendirian Canada hendak mengaitkan pemberian bantuan dengan soal hak asasi, Perdana Menteri berkata mandat untuk menentukan sama ada sesebuah negara itu demokratik atau tidak harus diberikan kepada pihak lain misalnya Bangsa - Bangsa Bersatu.

"Negara - negara pemberi bantuan tidak harus dibiarkan menentukannya sendiri," katanya.

Ditanya apakah kecenderungan sebilangan pemimpin negara anggota Komanwel memetik kenyataan - kenyataannya semasa perbincangan CHOGM kali ini satu petanda pengiktirafan peranan besar Malaysia dalam pertubuhan ini, beliau berkata.

"Itu saya tidak tahulah, tetapi yang penting kita dapat memainkan peranan dengan mengemukakan pendapat kita."

Beliau juga menganggap satu aspek penting CHOGM ini ialah ia membolehkannya mengadakan banyak rundingan - rundingan dua hala dengan kalangan ketua kerajaan lain yang mungkin tidak dapat diadakan dalam masa singkat itu jika hendak melawat ke negara - negara berkenaan.

Antara rundingan dua hala yang diadakannya sepanjang CHOGM kali ini ialah dengan Presiden Zimbabwe Robert Mugabe, Perdana Menteri Australia Bob Hawke, Presiden Namibia Sam Ndjouma, tokoh pejuang pembebasan Afrika Selatan Nelson Mandela.

Menyentuh tentang kemajuan yang dicapai oleh Komanwel sejak CHOGM Kuala Lumpur dua tahun lalu, Perdana Menteri berkata antaranya ialah program pemindahan teknologi di kalangan negara anggota berjalan lancar dan Yayasan Komanwel semakin banyak menerima sumbangan.

Tidak kurang penting, katanya ialah keputusan dua buah negara maju Komanwel, Britain dan Canada hendak melupakan dua pertiga hutang negara - negara anggota miskin yang dapat memenuhi syarat - syarat tertentu.

Ditanya mengenai pemilihan beliau sebagai Pengerusi "Kumpulan 11" untuk merumuskan langkah - langkah membantu membebaskan Afrika Selatan dari rejim aparteid, beliau memberitahu ketua - ketua kerajaan telah memberi mandat supaya beliau menyambung tugasnya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penilaian Peringkat Tinggi (HLAG).

Kumpulan itu dianggotai oleh 10 negara anggota HLAG yang dulu dan anggota baru ialah Zimbabwe.

Katanya, HLAG yang dulunya diberi tugas menilai semula peranan Komanwel dan mencadangkan peningkatan peranannya kini beralih tugas mengendalikan isu Afrika Selatan.

Setiausaha Agung Komanwel Chief Emeka Anyaoku semalam telah ditugaskan oleh ketua - ketua kerajaan pergi ke Afrika Selatan untuk berunding dengan kerajaan Afrika Selatan dan kumpulan - kumpulan pejuang pembebasan dengan secepat mungkin untuk membantu mereka mempercepatkan proses rundingan ke arah menamatkan aparteid.

Menurut Dato' Sri Dr. Mahathir, apabila Chief Anyaoku selesai menjalankan tugasnya, beliau akan mengemukakan laporan kepadanya untuk diputuskan tindakan selanjutnya.

Katanya, memandangkan mesyuarat kumpulan itu sukar diadakan, Chief Anyaoku akan pergi berunding dengan kalangan pemimpin negara anggota tertentu sebelum datang ke Kuala Lumpur.